



SURAT KHABAR	:	KOSMO	
TARIKH	:	15/11/2018	MUKA SURAT : 15
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	



SELADANG



BURUNG keria mahkota



BURUNG botak upeh



KUDA belang



UNGKA tangan putih

Zoo Taiping biak lima spesies haiwan diancam kepupusan

Oleh MUHAMMAD TARMIZE MOHD. NOR

TAIPING – Lima jenis haiwan diancam kepupusan berjaya di-biakkan di Zoo Taiping & Night Safari di sini sepanjang tahun ini.

Haiwan tersebut ialah ungka tangan putih, kuda belang, seladang, burung keria mahkota dan burung botak upeh.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT), Datuk

Abd. Rahim Md. Ariff berkata, kejayaan membiakkan kelima-lima jenis haiwan tersebut merupakan satu pencapaian yang amat berharga dalam memastikn program pembiakan dan konservasi haiwan tersebut dapat diteruskan.

“Zoo Taiping & Night Safari yang dikendalikan MPT sentiasa berusaha mengekalkan kelestarian dan khazanah alam melalui program pembiakan ter-

utamanya spesies haiwan yang terancam.

“Kemampuan membiakkan haiwan itu juga menunjukkan kami sedang menuju ke arah sebuah zoo yang bertaraf dunia.” kata beliau dalam satu kenyataan semalam.

Menurut beliau, Zoo Taiping & Night Safari bukan sahaja akan memastikan penjagaan haiwan secara berterusan dan persekitaran yang menyamai

habitat asal mereka, bahkan turut memastikan perkembangan fizikal dan mental haiwan tersebut dirangsang dengan baik.

“Anak kuda belang yang dilahirkan pada Ahad lalu merupakan anak kuda belang pertama dilahirkan di zoo tersebut dengan berat sekitar 30 kilogram.

“Kelahiran anak ungka tangan putih seberat kira-kira 500 gram pada 22 April lalu selain dua spe-

sies burung iaitu burung keria mahkota dan burung botak upeh pada Julai lalu,” katanya.

Katanya, seekor lagi haiwan yang diancam kepupusan dan berjaya di biakkan adalah seladang yang dilahirkan pada 19 Oktober lalu.

Tambah beliau, kesemua kelahiran ahli keluarga baharu di zoo tersebut kini terdiri daripada 120 spesies termasuk mamalia, reptilia, ikan dan burung.